

01 APR 1998

DR MAHATHIR LAWAT VOLVO DI SWEDEN

Oleh: WAN A HULAIMI

LONDON, 1 April (Bernama) -- Syarikat Volvo, antara syarikat pembuat automobil terbesar di dunia, mempunyai keyakinan penuh terhadap ekonomi Malaysia dan akan meneruskan segala persiapannya untuk terus berkembang di sana, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata di sini.

Sekembalinya daripada lawatan singkat ke kilang Volvo di Sweden pagi tadi (waktu London 31 Mac), Dr Mahathir yang tiba di sini semalam (30hb Mac) untuk persidangan kedua Asia-Eropah (ASEM2) pada 2 hingga 4 April berkata bahawa semasa lawatannya ke Sweden untuk meninjau cara-cara baru pengeluaran kereta, pihak Volvo telah menyatakan minat penuh mereka dan percaya bahawa kegawatan ekonomi sekarang adalah sementara.

Pada persidangan akhbar dengan pemberita-pemberita Malaysia di rumah kediaman kerajaan Malaysia selepas pertemuannya kira-kira sejam dengan pemimpin-pemimpin Kelab UMNO United Kingdom, Dr Mahathir menjelaskan bahawa harapannya di sini ialah untuk menerangkan tentang keadaan ekonomi Asia Tenggara kepada negara-negara Eropah.

Tambahnya lagi, kenyataannya sebelum ini yang tidak begitu tegas tentang ASEM dibuat kerana pada perjumpaan-perjumpaan lepas "apabila kita mencuba untuk membincangkan soal ekonomi, jawapan mereka ialah ini adalah sementara dan adalah satu daripada kesan-kesan pasaran bebas yang tidak boleh dibendung."

Pada persidangan ini juga negara-negara Asia yang hadir akan mengeluarkan kenyataan mereka di samping kenyataan bersama yang akan dikeluarkan pada penutup persidangan.

Dr Mahathir enggan menyatakan apakah bentuk isi kandungan kenyataan yang akan dikeluarkan itu, tetapi mengikut sumber-sumber di sini, ia akan menyentuh keadaan ekonomi di Asia.

Semasa di sini, Dr Mahathir akan mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua negara Asia dan Eropah termasuklah Naib Presiden Indonesia B.J.Habibie, Perdana Menteri Luxembourg Jean Claude Juncker dan Presiden Perancis Jacques Chirac di samping menghadiri sidang kemuncak Asem 2.

Di luar jadual persidangan ASEM, Dr Mahathir juga akan membuat lawatan ke sebuah syarikat Leafield, Oxford (1 April), dialog tertutup dengan anggota-anggota Pekongsian Komanwel untuk Pengurusan Teknikal (CPTM) tentang ekonomi Malaysia (1 April), dan juga menyaksikan majlis menanda tangani perjanjian promosi barang-barang keluaran Malaysia di gedung perniagaan terkemuka Harrods (1 April).

Sebelum berlepas pulang ke Malaysia pada 4hb Dr Mahathir akan melawat syarikat penyelidikan Frazer-Nash, di luar London.

Selepas persidangan ASEM, Dr Mahathir dijadual menyampaikan ucapan utama pada persidangan khas Pembinaan Perkongsian Baru Asia Eropah di sini yang akan dihadiri oleh wakil-wakil dari lebih 20 buah negara Asia dan Eropah.

Dua puluh orang pemimpin industri Malaysia akan menghadiri persidangan sampingan ini yang berlangsung selama tiga hari.

Persidangan itu juga akan mengkaji pencapaian ASEM2 selain daripada membincangkan isu-isu dagangan Asia-Eropah dan dunia.

Antara yang akan membuat ucapan ialah Menteri Negara Britain bagi Hal Ehwal Luar Derek Fatchett, Datuk Dr Munir Majid, pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Prof Tommy Koh, Pengarah Eksekutif Yayasan Asia Eropah di Singapura.

Datin Seri Dr Siti Hasmah yang bersama Dr Mahathir di sini akan

merasmikan pameran seni "Rupa Malaysia" di Galeri Brunei di Sekolah Kajian Timur dan Afrika (SOAS) pada 2 April.

"Rupa Malaysia" akan mempamerkan hasil karya pelukis-pelukis ternama Malaysia dan dianjurkan bersama oleh Balai Seni Lukis Malaysia dan Yayasan Asia Eropah. -- BERNAMA

WAH OS